



# PROFESIONALISME DAN AKAU

## DALAM PEMBINAAN MASYARAKAT BERKUALITI

Guru merupakan individu yang berperanan besar terhadap pembangunan generasi. Gurulah yang menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada manusia, iaitu daripada mereka kanak-kanak hinggalah mencecah dewasa.



# AKAUNTABILITI GURU

Tidak hanya di sekolah dan institusi pendidikan, guru juga memainkan peranan yang signifikan dalam masyarakat. Bertepatan dengan tema "Guru Insani Pemangkin Generasi MADANI", masyarakat dan pihak pemerintah amat memerlukan guru yang benar-benar berkualiti untuk menjadi pendidik generasi pada hari ini. Hanya mereka yang layak dapat menjadi guru dengan kualiti, keterampilan, kewibawaan, berjiwa pendidik dan mempunyai minat yang tinggi.

Matlamat besar untuk membentuk masyarakat yang harmoni tidak akan tercapai andai guru yang ditempatkan di sekolah ini tidak mempunyai tahap profesionalisme dan akauntabiliti yang tinggi. Perkara ini selari dengan tujuan pendidikan, iaitu menggapai kemenjadian murid. Menurut Iiminza Zakaria *et al.* (2021), analisis tahap profesionalisme guru dan kemenjadian murid menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif serta perkaitan yang sangat kuat. Oleh itu, guru profesional perlu sentiasa meningkatkan perkembangan serta pembangunan profesionalisme keguruan kepada diri mereka. Selain itu, Lilia dan Norlela (2000) menyatakan bahawa profesionalisme keguruan sangat penting dalam mengembangkan kemahiran dan membentuk akhlak pelajar serta guru sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan tauladan kepada pelajar.

Jawatan guru dikategorikan dalam kumpulan profesional. Profesional merujuk satu pekerjaan khusus yang dilaksanakan oleh seseorang yang mempunyai kelulusan dan latihan ikhtisas yang berkualiti, bersikap jujur dan mempunyai autonomi serta mematuhi kod etika yang ditetapkan oleh organisasinya. Profesionalisme keguruan pula merujuk pekerjaan yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab, sifat dan kualiti yang membawa bersama tanggungjawab, integriti dan akauntabiliti terhadap murid dan masyarakat.

## Profesionalisme Guru

Tahap profesionalisme guru adalah berdasarkan empat dimensi, iaitu watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Aizat Abu Hassan dan Kamarudin Musa (2020) menyatakan bahawa empat dimensi ini realistik untuk diukur pada penilaian profesionalisme keguruan.

Dimensi pertama yang perlu diambil berat oleh guru ialah watak guru. Ciri watak guru berperanan dalam mempengaruhi kepercayaan dan persepsi guru di tempat kerja. Guru perlu berpakaian kemas kerana penilaian pertama datangnya daripada orang sekeliling. Selain itu, guru perlu sentiasa positif dan mempamerkan keyakinan diri. Seorang guru sepatutnya melihat kerjaya sebagai guru sebagai tanggungjawab yang mulia dan bersemangat dalam melaksanakan amanah ini. Guru yang profesional tidak mudah untuk berpuas hati dengan prestasi semasa dan tetap berada pada zon selesa. Guru sepatutnya melihat dirinya sebagai pelajar sepanjang hayat yang sentiasa dahagakan ilmu dan kemahiran yang baharu.



Peningkatan ilmu akan menjadikan guru semakin baik dan kekal berfikir sekali gus menjadikannya semakin kritis dan kreatif.

Dimensi kedua ialah pengetahuan subjek dan pedagogi. Pengetahuan subjek ialah pengetahuan dan pemahaman subjek itu sendiri. Pengetahuan pedagogi pula ialah pengetahuan tentang cara menerapkan subjek ketika mengajarnya. Pada dimensi ini, guru akan menggunakan kaedah dan pendekatan yang baharu dan sesuai. Lalu melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif dan mampu mengekalkan minat murid-murid untuk terus belajar. Hal ini sukar untuk berlaku melainkan guru ini perlu memahami psikologi murid-muridnya dan mengetahui aplikasi teori pembelajaran mana yang paling sesuai untuk dipraktikkan.

Seorang guru yang profesional tidak boleh memilih untuk mahir salah satu antara kandungan subjek dengan pedagogi kerana kedua-dua perkara ini adalah saling berkaitan. Guru perlu faham dengan mendalam akan kandungan subjek yang disampaikan olehnya, bahkan perlu cakna dengan perkembangan semasa yang berkaitan dengan subjek tersebut. Bagaimanakah mungkin seorang guru dapat menyampaikan ilmu dengan mantap tanpa memiliki ilmu yang mendalam?

Dimensi ketiga ialah komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan. Setiap profesional yang kekal bertahan dan maju dalam bidang mereka, adalah sangat mustahak bagi mereka untuk memastikan perkembangan profesionalisme. Kesenambungan bagi dimensi lalu, dimensi

kedua ini adalah seorang guru mendedikasikan diri untuk mengajar sepanjang hayat dan secara aktif mencari peluang pembangunan profesional. Mereka akan terlibat secara aktif dengan penyelidikan, penulisan dan kajian tindakan. Pada dimensi ini, guru perlulah bersikap terbuka dan menerima inovasi baharu yang memberikan manfaat.

Dimensi terakhir atau yang keempat adalah tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas yang merangkumi ganjaran, pengembangan kerjaya, pendidikan dan latihan serta sumber pembelajaran. Guru yang profesional akan menjadi rujukan awam dalam bidang pendidikan kerana cara berfikir yang relevan, di samping mempunyai pengalaman yang luas. Selain bertindak sebagai guru yang proaktif di sekolah, mereka juga bersedia berkhidmat untuk masyarakat sekitar. Masyarakat sekitar sekolah memainkan peranan yang signifikan terhadap suasana sekolah meskipun tidak secara langsung kerana murid-murid yang dihantar ke sekolah adalah daripada keluarga masyarakat ini.

Selain itu, pada dimensi ini, guru profesional sepatutnya menjadi pembimbing baik kepada guru baharu. Pengalaman dan kemahiran yang ada diturunkan kepada generasi penerus sebagai pendidik. Peranan ini dikenali sebagai mentor. Guru mentor yang berkualiti. Menurut Ariff Hidayat Osman dan Mahani Mokhtar pada tahun 2022, pengalaman dan kemahiran guru mentor yang bersesuaian dengan keperluan latihan amat mempengaruhi keberkesanan program pembangunan profesionalisme guru baharu di sekolah. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menetapkan kriteria yang lebih kritis dalam pemilihan guru mentor bagi memastikan bimbingan yang diterima oleh guru baharu daripada guru mentor yang benar-benar berkualiti.

### Akauntabiliti Guru

Menurut *Kamus Dewan Perdana*, akauntabiliti ialah sifat tanggungjawab kepada seseorang atau terhadap sesuatu tindakan, keputusan dan sebagainya serta bersedia memberikan penjelasan, justifikasi dan lain-lain yang diperlukan. Akauntabiliti keguruan pula merujuk tanggungjawab seorang guru terhadap profesion keguruannya. Hal ini amat berkaitan dengan akauntabiliti kerja apabila dalam melaksanakan aktiviti kurikulum dan kokurikulum, mematuhi prosedur kerja, menghayati etika kerja, bertanggungjawab dan melaksanakan tugas dengan penuh komitmen dan dedikasi. Akauntabiliti seorang guru yang akan dibincangkan merangkumi akauntabiliti guru





Guru mempunyai akauntabiliti terhadap pencapaian, kemajuan dan kecemerlangan murid dalam bidang pelajaran.

terhadap diri guru itu sendiri, profesion keguruan dan tugas, murid, ibu bapa dan negara.

Pertama, akauntabiliti terhadap diri sendiri dan profesion. Perguruan merupakan profesion yang dihormati oleh setiap lapisan masyarakat negara sejak dulu lagi. Setiap guru mesti memelihara status ini demi kebaikan mereka dan bidang pendidikan umumnya. Kepercayaan dan rasa hormat masyarakat kepada guru perlu dijaga dengan tidak melanggar undang-undang atau melakukan perkara yang memalukan diri guru sama ada semasa berada di dalam sekolah atau di luar sekolah, meskipun dalam media sosial.

Kedua, akauntabiliti terhadap tugas dan kerja. Peningkatan akauntabiliti terhadap pendidikan dengan cemerlang oleh guru adalah menguasai kandungan dan pedagogi pengajaran. Pembacaan buku dan sumber rujukan yang lebih banyak mengenai mata pelajaran yang terkandung dalam kurikulum dapat meningkatkan kefahaman guru. Selain itu, guru juga perlu mahir merancang dan melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan mudah difahami oleh murid-murid. Hal ini perlu selari dengan pemerhatian guru akan kemampuan murid-muridnya di dalam kelas.

Ketiga, akauntabiliti guru terhadap murid. Selain menyampaikan ilmu dalam kandungan mata pelajaran, guru juga bertanggungjawab menyampaikan pelbagai ilmu pengetahuan yang bermanfaat bagi perkembangan mental murid. Pada hakikatnya, guru berperanan secara berkesan untuk membentuk akhlak dan peribadi murid-murid supaya mereka menjadi insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan berguna kepada negara. Guru juga mempunyai akauntabiliti terhadap pencapaian, kemajuan dan kecemerlangan murid-murid dalam bidang pelajaran dan juga dari segi moral serta akhlak.

Keempat, akauntabiliti guru kepada ibu bapa. Apabila ibu bapa memasukkan anak mereka ke sekolah, secara tidak langsung ibu bapa menaruh harapan yang besar ke atas guru untuk mendidik anak-anak mereka supaya menjadi orang yang berilmu dan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Kepercayaan ibu bapa ini menjadi amanah dan tanggungjawab bagi guru yang wajib dilaksanakan.

Terakhir, akauntabiliti terhadap negara dengan memelihara imej dan profesion keguruan melalui khidmat bakti yang bermutu dan penuh dedikasi untuk kemajuan negara. Pada masa yang sama, peningkatan ilmu dan kemahiran guru merupakan satu daripada usaha guru untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, sekali gus meningkatkan motivasi murid-murid. Generasi yang membesar dengan ilmu inilah akan berkhidmat kepada negara melalui kerjaya yang diidamkan oleh mereka.

Kelima-lima perkara yang telah dijelaskan ini disokong oleh kajian daripada Gobalakrishnan, S. dan Ambotang di Amerika Syarikat pada tahun 2019 tentang pengaruh tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru

terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke-21 sekolah rendah di Sabah. Kajian tersebut mencadangkan agar guru dan pihak pentadbir dapat menjalin kerjasama yang erat terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke-21 di sekolah agar mampu menyediakan generasi muda untuk menghadapi cabaran yang akan datang dalam hidup mereka.

Selain itu, akauntabiliti seorang pendidik juga menjadi kayu ukur penilaian murid atau pelajar terhadap beliau. Seorang guru yang profesional pastinya sentiasa akan menjaga imej dan kredibilitinya. Menurut Maizatulkama Abdullah *et al.*, pada tahun 2019, pelajar bersetuju mengenai kepentingan penilaian terhadap pensyarah supaya kualiti pengajaran pensyarah dapat ditingkatkan. Meskipun medan pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), namun dalam hal tanggungjawab dan peranan, pensyarah dan guru berada dalam kelompok yang sama, iaitu pemberi ilmu dan pendidik.

Kajian tersebut membuktikan bahawa pelajar mengambil kira beberapa kriteria berkaitan akauntabiliti, iaitu dedikasi dan komitmen semasa penyampaian kursus, menepati masa dan memberikan layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar. Selain itu, pelajar juga mengambil kira faktor lain seperti penyediaan bahan pengajaran yang lengkap.

Berdasarkan kajian daripada Mutsalim Khareng pada tahun 2020, terdapat beberapa usaha yang harus dilaksanakan oleh guru bagi mencapai tahap profesionalisme guru yang sewajarnya seperti mengembangkan iltizam secara berperingkat ke arah menjadi guru profesional sebagai kerjaya hidup. Pada masa yang sama, pelaburan dan penggunaan ilmu pengetahuan harus wujud agar dapat dimanfaatkan oleh pelajar pada setiap masa, di samping menitikberatkan soal pertambahan pengetahuan profesionalisme dalam bidang ilmu yang lain. Manakala, menurut 'Abd al-Hamid (1985) menyatakan bahawa lazimnya seorang dikatakan profesional jika ia mahir dalam bidang pekerjaannya dan pencapaian dapat diperoleh hasil daripadanya.

Kesimpulannya, ciri-ciri profesionalisme dan akauntabiliti saling melengkapi dalam peningkatan tahap kualiti guru. Kebimbangan yang ketara pada hari ini adalah kemenjadian murid gagal dicapai andai guru-guru tidak serius meningkatkan kualiti mereka dan masih kekal di zon selesa. Mereka mungkin terlepas peluang untuk mempengaruhi dan membentuk para murid agar mereka membesar dengan baik seterusnya membina generasi MADANI dalam masyarakat yang berkualiti. □

**Penulis,** Guru Pendidikan Islam berkelulusan Sarjana Pendidikan Islam dan Sarjana Muda Fiqh Fatwa, Universiti Sains Islam Malaysia.